

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB. TUAN LIEW CHIN TONG  
KAWASAN : KLUANG  
NO. SOALAN : 322

YB. TUAN LIEW CHIN TONG minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan :-

- a) sejak pelancaran skim IILS (Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa), berapa syarikat yang memohon, diluluskan permohonannya dan telah mendapat manfaat dari skim ini; dan
- b) apakah peratusan kejayaan skim IILS ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

- a) Skim Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS) telah mula diperkenalkan pada tahun 2008 dan adalah dikhususkan kepada syarikat logistik yang menyediakan perkhidmatan logistik bersepadu di peringkat antarabangsa. Syarikat yang telah diluluskan status IILS adalah layak untuk memohon Lesen Agen Kastam yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Agen Kastam ini akan bertindak sebagai sebuah entiti di peringkat global atau serantau dengan menyediakan perkhidmatan yang lancar dan bersepadu.

Sehingga 31 Mei 2014, sebanyak 32 buah syarikat telah memohon dan mendapat kelulusan status ILS serta mendapat manfaat daripada skim ini.

- b) Pemberian status ILS merupakan satu inisiatif Kerajaan bagi mengukuhkan sektor logistik negara di mana Lesen Agen Kastam telah diberikan kepada syarikat yang menyediakan perkhidmatan logistik bersepadu di peringkat antarabangsa. Syarikat yang diluluskan status ILS adalah disyaratkan untuk mengurus sekurang-kurangnya 20 unit kenderaan komersil dan gudang berkeluasan 5,000 meter persegi serta menjalankan perkhidmatan pergudangan, pengangkutan dan penghantaran muatan.

Dominasi penglibatan 30 buah syarikat tempatan (93.8%) yang telah diluluskan status ILS menunjukkan bahawa syarikat tempatan berkeupayaan untuk memberi perkhidmatan logistik yang kompetitif di peringkat serantau dan global.

Melalui ILS, syarikat logistik tempatan yang beroperasi secara usahasama dengan syarikat asing berkeupayaan untuk menembusi pasaran logistik serantau dan global serta meningkatkan kemampuan dalam penyediaan perkhidmatan logistik dalam pelbagai sektor industri.